

RYZE Mixed Fruit 2mg Nicotine Gum

Nikotin (sebagai polakrileks) (2 mg)

Apa yang terkandung di dalam risalah ini

1. Kegunaan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum
2. Bagaimana Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum berfungsi
3. Sebelum anda menggunakan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum
4. Cara menggunakan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum
5. Semasa anda menggunakannya
6. Kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum
8. Keterangan produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh semakan

Kegunaan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum

Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum digunakan untuk melegakan simptom Penarikan dan mengurangkan keinginan terhadap nikotin apabila anda cuba berhenti merokok.

Bagaimana Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum berfungsi

Apabila anda berhenti merokok, badan anda akan kekurangan nikotin yang anda telah serap sebelum ini.

Anda mungkin mengalami perasaan tidak selesa dan keinginan yang kuat untuk merokok (ketagihan). Ini menunjukkan bahawa anda telah bergantung kepada nikotin. Apabila anda mengunyah Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum, nikotin dilepaskan dan diserap ke dalam badan melalui lapisan mulut anda. Nikotin yang dilepaskan daripada gula-gula getah ini mencukupi untuk melegakan simptom penarikan yang tidak menyenangkan seperti mudah marah, gelisah, cemas, dan rasa kecewa. Ia juga

membantu melegakan keinginan mendadak untuk merokok. Walau bagaimanapun, Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum tidak akan memberikan anda “rasa khayal” seperti yang anda dapat daripada merokok rokok.

Sebelum anda menggunakan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum *Bila*

anda tidak boleh menggunakannya
Jangan gunakan jika:

- Anda mempunyai alahan kepada nikotin atau mana-mana bahan lain dalam produk ini.
- Anda sedang hamil, cuba untuk hamil, atau mengesyaki anda mungkin hamil.
- Anda sedang menyusukan bayi. Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.
- Anda bukan seorang perokok atau hanya kadang-kala merokok.

Sebelum anda mula menggunakannya

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- Anda telah mengalami kondisi kardiovaskular yang serius (penyakit jantung) atau telah dimasukkan ke hospital kerana masalah kardiovaskular dalam tempoh 4 minggu yang lalu (contohnya, strok, infark miokard, angina tidak stabil, aritmia jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, atau angioplasti), atau jika anda mengalami tekanan darah tinggi yang tidak terkawal.
- Anda mempunyai ulser perut, ulser duodenum, radang perut, atau radang esofagus.
- Anda mempunyai penyakit hati atau buah pinggang.
- Anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif atau pheokromositoma (tumor kelenjar adrenal yang boleh menjejaskan tekanan darah).
- Jika anda menghidap diabetes anda dinasihatkan supaya memantau tahap gula darah anda dengan lebih kerap apabila mula menggunakan Ryze Mixed Fruit

Nicotine Gum kerana dos insulin atau ubat anda mungkin perlu disesuaikan.

- Anda mengalami masalah pencernaan yang berterusan atau kesakitan di bahagian dada.
- Anda mempunyai pengalaman dengan epilepsi dan sawan.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika gejala di atas berterusan atau semakin teruk, atau jika anda mengalami gejala baharu.

Mengambil ubatan lain

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain seperti *theophylline*, *clozapine*, *ropinirole*, *tacrine*, *insulin*, *imipramine*, *olanzapine*, *clonipramine*, atau *fluvoxamine*. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain atau baru-baru ini mengambil ubat lain, termasuk ubat yang tidak dipreskripsikan. Anda mungkin perlu menyesuaikan dos ubat-ubat anda jika anda berhenti merokok.

Cara menggunakan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum

Berapa banyak yang perlu digunakan

Dewasa:

Kebanyakan orang menggunakan antara 8 hingga 12 gula-gula getah sehari. Anda tidak boleh melebihi jumlah gula-gula getah yang dinyatakan di bawah dalam tempoh 24 jam.

Bentuk Dos	Kuantiti Maksimum Sehari
2 mg	30 keping

Kunyah sebiji gula-gula getah apabila anda mempunyai keinginan untuk merokok. Gula-gula getah ini dikunyah untuk melepaskan nikotin, kemudian direhatkan supaya nikotin boleh diserap melalui lapisan mulut. Nikotin yang ditelan bersama air liur tidak memberikan manfaat dan jika berlebihan, ia boleh merengsakan tekak anda atau menyebabkan ketidakselesaan kepada perut anda seperti sedu.

RYZE Mixed Fruit 2mg Nicotine Gum

Nikotin (sebagai polakrileks) (2 mg)

Anda hanya perlu mengunyah SATU gula-gula getah pada satu masa sahaja. Setiap gula-gula getah bertahan selama 30 minit. Selepas tempoh ini, kekuatan gula-gula getah akan hilang dan ia perlu dibuang dengan berhati-hati.

Kanak-kanak & remaja: Tidak boleh diberikan kepada individu di bawah umur 18 tahun tanpa saranan daripada profesional kesihatan.

Bila untuk menggunakannya
Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum hendaklah digunakan pada masa anda biasanya merokok atau apabila anda ingin merokok. Gunakan jumlah Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum yang mencukupi setiap hari.

Berapa lama untuk menggunakannya
Kami mencadangkan anda menggunakan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum sekurang-kurangnya selama 3 bulan, 8 hingga 12 gula-gula getah setiap hari. Berhenti merokok sepenuhnya pada masa yang sama untuk meningkatkan peluang kejayaan anda. Secara amnya, penggunaan secara tetap melebihi 12 bulan tidak disyorkan.

Jika anda terlupa untuk menggunakannya
Jangan ambil dos berganda jika anda terlupa untuk menggunakannya.

Jika anda menggunakan terlalu banyak (terlebih dos)
Jika anda telah menggunakan lebih daripada dos yang disyorkan, anda mungkin mengalami loya, muntah, peningkatan pengeluaran air liur, sakit pada abdomen, cirit-birit, berpeluh, sakit kepala, pening, gangguan pendengaran, atau kelemahan. Pada dos yang lebih tinggi, anda mungkin

mengalami tekanan darah rendah, nadi yang lemah dan tidak teratur, kesukaran bernafas, pengsan, atau sawan. Jika anda mengalami mana-mana kesan ini, dapatkan rawatan perubatan dengan segera. Jika sejumlah besar nikotin ditelan, arang aktif boleh mengurangkan penyerapan nikotin dalam saluran gastrousus.

Semasa anda menggunakannya
Perkara yang mesti anda lakukan
Gunakan teknik Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum. Hanya kunyah sebiji gula-gula getah pada satu masa.

Perkara yang tidak boleh anda lakukan
Jangan berikan produk ini kepada kanak-kanak. Dos nikotin yang diterima oleh perokok dewasa atau remaja boleh menyebabkan ketoksikan yang teruk pada kanak-kanak dan mungkin membawa maut.

Perkara yang anda perlu berhati-hati
Elakkan menelan gula-gula getah. Jika kanak-kanak telah menggunakan atau menelan gula-gula getah, dapatkan rawatan perubatan dengan segera. Pengambilan nikotin oleh kanak-kanak boleh menyebabkan keracunan yang serius.

Kesan sampingan
Seperti semua ubat, Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum boleh menyebabkan kesan sampingan. Oleh sebab banyak kesan ini berkaitan dengan nikotin, kesan ini juga boleh berlaku apabila nikotin diperolehi melalui merokok.

Kesan berkaitan merokok (penarikan nikotin)
Anda mungkin mengalami kesan yang tidak diingini kerana telah berhenti merokok atau mengurangkan jumlah nikotin yang diambil. Kesan ini termasuk:

- Pening
- Sakit kepala

- Mudah marah atau agresif
- Rasa murung
- Kebimbangan atau kegelisahan
- Sukar untuk memberi tumpuan
- Selera makan meningkat atau pertambahan berat badan
- Keinginan untuk merokok (ketagihan)
- Sukar tidur atau gangguan tidur
- Penurunan kadar denyutan jantung

Kesan sampingan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum

Kebanyakan kesan yang tidak diingini yang dilaporkan oleh subjek berlaku semasa fasa awal rawatan dan bergantung kepada dos. Iritasi pada mulut dan tekak mungkin berlaku, namun kebanyakan subjek menyesuaikan diri dengan penggunaan yang berterusan.

Alahan (termasuk gejala anafilaksis) jarang berlaku semasa penggunaan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum. Gula-gula getah ini mungkin melekat pada gigi palsu dan dalam kes yang jarang berlaku, boleh merosakkannya.

Kesan sampingan yang diperhatikan dalam pengalaman pasca-pasaran (kategori kekerapan dianggarkan daripada ujian klinikal):

Kesan sampingan yang paling biasa dilaporkan adalah cirit-birit. Kesan sampingan yang jarang dilaporkan termasuklah degupan jantung pantas, sendawa, sakit lidah, lepuh pada mukosa mulut dan pengelupasan, sensasi mencucuk/menyengat pada mulut, kelemahan badan, ketidakselesaan dan sakit dada, rasa tidak sihat, sakit pada rahang, mimpi yang tidak normal, sesak nafas, gangguan suara, sesak nafas, hidung tersumbat, sakit orofaringeal, bersin, ketegangan tekak, peningkatan peluh, kegatalan kulit, ruam kulit, gatal-gatal, kemerahan, dan tekanan darah tinggi.

Kesan sampingan yang sangat jarang dilaporkan termasuk kesukaran menelan, kebas mulut, dan muntah.

Jika anda perasan kesan-kesan ini atau mana-mana kesan yang tidak diingini

RYZE Mixed Fruit 2mg Nicotine Gum

Nikotin (sebagai polakrileks) (2 mg)

lain yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Apabila anda berhenti merokok, anda juga mungkin mengalami ulser mulut. Sebab mengapa ini berlaku masih tidak jelas.

Malaysia:

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau reaksi ubat yang tidak diingini secara terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan dengan melawat tapak sesawang npra.gov.my [Pengguna -> Melaporkan Kesan Sampingan kepada Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)]

Penyimpanan dan Pelupusan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum

Penyimpanan

Simpan jauh dari jangkauan dan pandangan kanak-kanak. Simpan pada suhu di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jangan gunakan gula-gula getah selepas tarikh 'EXP' pada kotak dan blister.

Pelupusan

Lupuskan Ryze Mixed Fruit Nicotine Gum dengan cara yang wajar.

Keterangan Produk

Bagaimana rupanya

Biji-biji gula-gula getah bersalut putih hingga keputihan, berbentuk segiempat

Bahan-bahan

Bahan Aktif: Nicotine polacrilex

Bahan Tidak Aktif:

- Ryze Mixed Fruit 2 mg Nicotine Gum:

Asas gula-gula getah, Sorbitol, Maltitol, Mentol, Acesulfame kalium, Sukralosa, Kalsium Karbonat, Talkum, Natrium karbonat anhidrat, Natrium bikarbonat, Titanium Dioksida, Perisa tutti frutti, Perisa pudina, Gelatin, Wax Carnauba, air.

Nombor MAL:

MAL26016026XZ

Pengilang

Fertin India Pvt. Ltd.
Plot No. L-10 & L-11,
Cuncolim Industrial Estate, Goa-
403 703, India

Pemegang Pendaftaran

Produk

Aspeya Malaysia Sdn. Bhd.
Level 15, 1 First Avenue, 2A
Dataran Bandar Utama, 47800
Petaling Jaya Selangor, Malaysia

Tarikh Semakan

29/05/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/14